



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 11 JUN 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 11 Jun 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **7,749 kes** (563,779 kes kumulatif, 87.2%);
- Kes baharu : **6,849 kes** (646,411 kes kumulatif);
- Kes import : **4 kes** (1 warganegara; 3 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **6,845 kes** [4,935 warganegara (72.1%); 1,910 bukan warganegara (27.9%)];
- Kes aktif : **78,864 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **912 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **458 kes**;
- Kes kematian : **84 kes** (3,768 kes kumulatif, 0.58%; 76 warganegara, 8 bukan warganegara);
- Jumlah kluster : **2,438 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **16 kluster**;

- Jumlah kluster yang telah tamat :**1,683 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **755 kluster**.

Sebanyak **84 kes** kematian pada hari ini yang melibatkan **19 kes** di Selangor, **12 kes** di Sarawak, **lapan (8) kes** di Wilayah Persekutuan Labuan, masing-masing **tujuh (7) kes** di Johor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, **sembilan (9) kes** di Negeri Sembilan, masing-masing **enam (6) kes** di Pahang dan Sabah, **tiga (3) kes** di Terengganu, **dua (2) kes** di Melaka, serta masing-masing **satu (1) kes** di Kelantan, Perak, Pulau Pinang, Perlis, dan Kedah.


Perincian jumlah kes mengikut negeri, kes-kes kematian dan kluster-kluster baharu adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3 dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

MAKLUMAT BERKENAAN SINDROM POST COVID (LONG COVID)

Pada 18 Disember 2020, *The National Institute for Health and Care Excellence* (NICE), United Kingdom telah mengeluarkan satu garis panduan mengenai *Long COVID* atau dikenali sebagai Sindrom Post Covid. Sindrom ini merupakan suatu keadaan di mana bekas pesakit COVID-19 **masih menunjukkan gejala-gejala bagi tempoh 12 minggu atau lebih** dan gejala-gejala tersebut tidak dapat dijelaskan dengan sebarang diagnosis alternatif. Keadaan ini berpunca daripada komplikasi jangkitan COVID-19 terhadap fungsi pelbagai organ dalam tubuh seseorang individu.

Secara amnya, data klinikal menunjukkan majoriti pesakit COVID-19 di Malaysia mampu sembuh sepenuhnya. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir yang terkesan dengan Sindrom Post COVID. Menurut kajian klinikal yang dijalankan oleh KKM melibatkan 1,004 pesakit dari kategori 4 dan 5 yang menerima rawatan susulan, didapati 66 peratus daripada pesakit ini mengalami Sindrom Post COVID. Antara lima (5) simptom yang kerap dialami oleh bekas pesakit COVID-19 adalah kelesuan (*fatigue*), kesukaran bernafas apabila melakukan

aktiviti (*exertional dyspnea*), sukar tidur malam (*insomnia*), batuk (*cough*) dan kegelisahan (*anxiety*).



Sehingga kini, rawatan yang ditawarkan adalah berdasarkan simptom yang dipamerkan pesakit (*symptomatic relief*) dan fungsi tubuh yang terlibat. Rujukan kepada bidang kepakaran yang berkaitan akan dilakukan bagi memastikan pesakit mendapat rawatan klinikal yang optimum. Kajian klinikal akan terus dijalankan bagi memahami dan mengenalpasti kesan Sindrom Post COVID dan ianya akan dimaklumkan kepada masyarakat dari semasa ke semasa.

Oleh itu, pesakit-pesakit COVID-19 yang didiscaj dari hospital akan diberikan temujanji rawatan susulan dan mereka

diingatkan untuk hadir mengikut tarikh yang telah ditetapkan. Manakala bagi bekas pesakit COVID-19 yang masih mempunyai gejala, dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat perubatan dan rawatan di klinik atau hospital berhampiran. Ini penting bagi mengekalkan tahap kesihatan bekas pesakit COVID-19 pada tahap terbaik dan mengurangkan sebarang komplikasi jangka panjang.

Oleh itu, adalah amat penting untuk menjaga diri kita dan ahli keluarga kita supaya kekal terlindung daripada bahaya COVID-19 dan mendaftar untuk mendapatkan vaksin agar dapat mengurangkan risiko dijangkiti penyakit COVID-19 yang serius. Ini kerana kesannya boleh berpanjangan dan mengurangkan kualiti hidup serta produktiviti seseorang. Harus diingatkan bahawa golongan muda adalah merupakan kumpulan utama warga kerja bagi pelbagai sektor di negara kita. Golongan muda yang sihat adalah kunci kepada produktiviti negara.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

Elakkan 3S: (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).

Amalkan 3W: (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

11 Jun 2021 @ 6:30 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 11 JUN 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	2,558 (4)	211,403
WP KUALA LUMPUR	884	66,195
SABAH	309	65,330
JOHOR	426	63,772
SARAWAK	699	54,330
NEGERI SEMBILAN	685	32,833
PULAU PINANG	205	31,656
KELANTAN	248	31,537
PERAK	161	23,307
KEDAH	161	21,399
MELAKA	170	14,527
PAHANG	89	11,415
TERENGGANU	66	10,439
WP LABUAN	176	5,634
WP PUTRAJAYA	10	2,086
PERLIS	2	548
JUMLAH KESELURUHAN	6,849 (4)	646,411

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

Ringkasan 84 kes kematian pada 11 Jun 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang Penyakit
3685	Selangor	Lelaki (WN)	69	Hospital Ampang	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
3686	Perlis	Perempuan (WN)	70	Hospital Tuanku Fauziah, Kangar	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan buah pinggang kronik
3687	Selangor	Lelaki (WN)	55	Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia	-
3688	Selangor	Lelaki (WN)	65	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Darah tinggi dan dislipidemia
3689	Selangor	Lelaki (WN)	57	Hospital Sungai Buloh	Darah tinggi
3690	Selangor	Lelaki (WN)	65	Hospital Serdang	Kencing manis dan darah tinggi
3691	Sarawak	Lelaki (WN)	63	Hospital Sibu	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
3692	Sarawak	Perempuan (WN)	70	Hospital Sibu	Darah tinggi, dislipidemia, dan strok
3693	Selangor	Lelaki (WN)	63	Hospital Sungai Buloh	Darah tinggi, dislipidemia, dan buah pinggang kronik
3694	Johor	Perempuan (WN)	61	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	-
3695	Melaka	Lelaki (WN)	55	Hospital Melaka	Darah tinggi dan jantung
3696	Pahang	Lelaki (WN)	78	Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
3697	Pahang	Lelaki (WN)	47	Pusat Perubatan Sultan Ahmad Shah, Kuantan	Darah tinggi dan obesiti
3698	Sarawak	Lelaki (WN)	76	Hospital Sibu	Jantung, kencing manis, dan buah pinggang kronik
3699	Selangor	Lelaki (WN)	67	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
3700	Sarawak	Perempuan (WN)	72	Jenazah dibawa ke Hospital Kanowit	Darah tinggi dan dislipidemia

3701	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	72	Hospital Tampin	Kencing manis, darah tinggi, jantung, dan obesiti
3702	Sabah	Perempuan (WN)	67	Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
3703	Sarawak	Lelaki (WN)	54	Hospital Miri	Darah tinggi, dislipidemia, dan obesiti
3704	Pahang	Perempuan (WN)	35	Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan	Obesiti, kencing manis, dan darah tinggi
3705	Terengganu	Perempuan (WN)	69	Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu	Darah tinggi, buah pinggang kronik, dan hati
3706	Sabah	Perempuan (WN)	63	Jenazah dibawa ke Hospital Semporna	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
3707	Pahang	Lelaki (WN)	67	Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan	Darah tinggi dan dislipidemia
3708	Pahang	Perempuan (WN)	84	Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
3709	Terengganu	Lelaki (WN)	87	Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu	Darah tinggi dan sawan
3710	Selangor	Perempuan (WN)	83	Hospital Kajang	-
3711	Kelantan	Perempuan (WN)	79	Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian	Jantung, darah tinggi, dislipidemia, dan strok
3712	Perak	Perempuan (WN)	85	Hospital Taiping	Kencing manis, darah tinggi, dan jantung
3713	Sabah	Lelaki (WN)	69	Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	Kencing manis dan darah tinggi
3714	Sarawak	Lelaki (WN)	55	Jenazah dibawa ke Hospital Miri	-
3715	WP Labuan	Perempuan (WN)	65	Hospital Labuan	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
3716	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	75	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Kencing manis dan darah tinggi
3717	Terengganu	Perempuan (WN)	66	Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu	Kencing manis, darah tinggi, dan strok
3718	Selangor	Lelaki (WN)	75	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan buah pinggang kronik

3719	Johor	Lelaki (WN)	73	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Kencing manis, darah tinggi, jantung, dan buah pinggang kronik
3720	Johor	Lelaki (WN)	60	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Darah tinggi
3721	Sarawak	Perempuan (WN)	67	Hospital Sibu	Darah tinggi, dislipidemia, dan pankreas
3722	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	68	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
3723	Pahang	Perempuan (WN)	74	Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan	-
3724	Selangor	Perempuan (WN)	75	Hospital Shah Alam	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan buah pinggang kronik
3725	Sabah	Lelaki (WN)	67	Hospital Tawau	Darah tinggi, dislipidemia, jantung, dan asma
3726	Sarawak	Lelaki (WN)	63	Hospital Miri	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
3727	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	72	Hospital Jelebu	Strok
3728	WP Labuan	Perempuan (WN)	63	Hospital Labuan	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan obesiti
3729	Selangor	Perempuan (WN)	61	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Kencing manis, darah tinggi, jantung, dan buah pinggang kronik
3730	Selangor	Lelaki (WN)	73	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Darah tinggi
3731	Melaka	Lelaki (WN)	51	Hospital Melaka	-
3732	WP Labuan	Lelaki (WN)	77	Hospital Labuan	Darah tinggi
3733	Selangor	Lelaki (WN)	71	Hospital Kajang	Kencing manis dan darah tinggi
3734	Selangor	Lelaki (WN)	39	Hospital Sungai Buloh	Obesiti
3735	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	38	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Obesiti
3736	Kedah	Lelaki (WN)	60	Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan buah pinggang kronik

3737	Sarawak	Perempuan (WN)	81	Hospital Miri	Darah tinggi dan dislipidemia
3738	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	79	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Jantung dan kanser
3739	WP Labuan	Lelaki (WN)	27	Hospital Labuan	-
3740	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	46	Jenazah dibawa ke Hospital Kuala Lumpur	-
3741	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	44	Jenazah dibawa ke Hospital Kuala Lumpur	-
3742	Sarawak	Perempuan (WN)	80	Jenazah dibawa ke Hospital Bintulu	Kencing manis dan darah tinggi
3743	Sarawak	Perempuan (WN)	68	Hospital Sibu	Kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, jantung, dan kanser
3744	Sarawak	Perempuan (WN)	63	Jenazah dibawa ke Hospital Sri Aman	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan paru-paru kronik
3745	Selangor	Perempuan (WN)	55	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis dan darah tinggi
3746	Selangor	Lelaki (WN)	42	Hospital Sungai Buloh	Darah tinggi
3747	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	89	Jenazah dibawa ke Hospital Kuala Lumpur	-
3748	Sabah	Lelaki (WN)	67	Jenazah dibawa ke Hospital Duchess of Kent, Sandakan	-
3749	Johor	Lelaki (WN)	66	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Kencing manis dan darah tinggi
3750	Selangor	Lelaki (WN)	68	Hospital Kajang	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
3751	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	61	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Darah tinggi, jantung, buah pinggang kronik, dan tiroid
3752	Johor	Perempuan (WN)	76	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Darah tinggi
3753	Johor	Lelaki (WN)	52	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Darah tinggi dan obesiti
3754	Johor	Lelaki (WN)	61	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Kencing manis, darah tinggi, jantung, dan buah pinggang kronik

3755	WP Labuan	Perempuan (WN)	61	Hospital Labuan	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
3756	WP Labuan	Lelaki (WN)	80	Jenazah dibawa ke Hospital Labuan	Darah tinggi dan strok
3757	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	72	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Kencing manis dan darah tinggi
3758	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	69	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Kencing manis dan darah tinggi
3759	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	41	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Darah tinggi dan obesiti
3760	Pulau Pinang	Lelaki (WN)	82	Hospital Pulau Pinang	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan buah pinggang kronik
3761	Selangor	Perempuan (BWN)	57	Hospital Sungai Buloh	-
3762	WP Kuala Lumpur	Perempuan (BWN)	28	Jenazah dibawa ke Pusat Perubatan Universiti Malaya	-
3763	Selangor	Lelaki (BWN)	49	Jenazah dibawa ke Hospital Kajang	Tuberkulosis
3764	Sabah	Perempuan (BWN)	74	Hospital Tawau	Kencing manis
3765	WP Kuala Lumpur	Lelaki (BWN)	52	Jenazah dibawa ke Hospital Kuala Lumpur	-
3766	WP Kuala Lumpur	Perempuan (BWN)	41	Jenazah dibawa ke Pusat Perubatan Universiti Malaya	Darah tinggi
3767	WP Labuan	Lelaki (BWN)	78	Jenazah dibawa ke Hospital Labuan	-
3768	WP Labuan	Lelaki (BWN)	52	Jenazah dibawa ke Hospital Labuan	-

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

LAMPIRAN 3

Perincian 6,849 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 11 Jun 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	2,558	979	1,163	4	412
WP KUALA LUMPUR	884	65	552	-	267
SARAWAK	699	90	441	-	168
NEGERI SEMBILAN	685	426	220	-	39
JOHOR	426	178	172	-	76
SABAH	309	90	144	-	75
KELANTAN	248	29	169	-	50
PULAU PINANG	205	81	69	-	55
WP LABUAN	176	34	78	-	64
MELAKA	170	54	87	-	29
PERAK	161	102	42	-	17
KEDAH	161	11	96	-	54
PAHANG	89	38	40	-	11
TERENGGANU	66	5	37	-	24
WP PUTRAJAYA	10	4	5	-	1
PERLIS	2	-	-	-	2
JUMLAH KESELURUHAN	6,849	2,186	3,315	4	1,344

* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

LAMPIRAN 4**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 11 JUN 2021**

No.	Nama Kluster	Kategori Kluster	Negeri	Daerah	Jumlah Kes	Jumlah Disaring
1	Industri Persiaran Raja Lumu	Tempat Kerja	Selangor	Klang	95	197
2	Industri Jalan Bunga Cempaka Dua	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Selangor dan Petaling	71	261
3	Industri Sungai Putus	Tempat Kerja	Selangor	Klang	52	261
4	Industri Puchong Lima	Tempat Kerja	Selangor	Petaling	44	68
5	Industri Jalan Batu Arang	Tempat Kerja	Selangor	Gombak dan Petaling	34	46
6	Bukit Bakri	Tempat Kerja	Johor	Muar	25	38
7	Jalan Tanjung A Tiga	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	19	119
8	Jalan Renchong	Tempat Kerja	Johor	Muar	12	22
9	Laman Satu	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	10	34
10	Sungai Kakus	Tempat Kerja	Sarawak	Tatau	51	117
11	Pekan Tatau Baru	Tempat Kerja	Sarawak	Tatau	27	742
12	Semanok	Tempat Kerja	Sarawak	Tatau	7	196
13	Kopi Blues	Komuniti	Sabah	Tawau	12	20
14	Penchala	Komuniti	WP Kuala Lumpur	Kepong	105	521
15	Cabang Empat Chetok	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	17	27
16	Jalan Permatang Lapan	Kumpulan Berisiko Tinggi	Johor	Johor Bahru	18	57